

17

PENGAJARAN LISAN: PERBUALAN BERDASARKAN GAMBAR DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK K²WS²

.....

Norazisza Mohamed Taib & Nurisha Hamid
Sekolah Menengah Coral

ABSTRAK

Kertas ini mengetengahkan teknik pengajaran lisan khususnya komponen perbualan berdasarkan gambar. Teknik yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran ini ialah teknik K²WS². Dengan menggunakan teknik *Keseluruhan, Kedudukan, Watak Khas, Sebelum dan Sesudah* (K²WS²), pelajar dapat mengutarakan idea secara sistematik dan menyeluruh. Pelajar Menengah 3 Normal Akademik merupakan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menilai pembelajaran lisan dengan menggunakan ruang hubung kait (*interface*) 'Oral Companion' yang terdapat di portal *AskandLearn*. Dapatan kajian menunjukkan hampir semua pelajar dapat mengutarakan idea mereka dengan lebih jelas, sistematik dan menyeluruh. Dengan menggunakan teknik ini, pembelajaran lisan menjadi lebih mudah, ringkas dan menarik, sesuai untuk semua peringkat.

Pengenalan

Kemampuan lisan banyak mempengaruhi kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana lisan merupakan satu aspek penting dalam proses komunikasi. Devine (1981) menyatakan bahawa kemampuan lisan melibatkan kemahiran mendengar secara langsung. Proses mendengar pula berkait secara terus dengan proses berfikir. Berfikir dalam konteks ini melibatkan penggunaan proses mental dalam melakukan inferens, menjangkakan hasil, generalisasi, organisasi dan dalam membuat rumusan. Justeru, keupayaan pelajar menyampaikan maklumat,

pendapat, perasaan dan idea yang kritis secara lisan dapat membina keyakinan dan kecekapan pelajar dalam berbahasa.

Permasalahan

Pelajar di Sekolah Menengah Coral telahpun didedahkan kepada penggunaan *Podcast* yang terbukti meninggalkan kesan yang positif terhadap pembelajaran lisan berbanding dengan pengajaran secara tradisional. Apatah lagi dengan pengenalan ruang hubung kait (*interface*) '*Oral Companion*' yang terdapat di platform *AskNLearn*, pelajar telah dilatih merakam bacaan dan perbualan mereka dalam ruangan makmal yang selesa. Ruang ini juga telah mempermudah pengajaran serta penilaian guru. Namun, dengan adanya komponen baharu dalam peperiksaan lisan 2012, pelajar belum didedahkan kepada Perbualan Berdasarkan Gambar. Dari itu, pelajar belum berupaya membuat kesimpulan umum, menyusun dan mengaitkan maklumat dengan pengetahuan sedia ada mereka. Pelajar juga gagal menyampaikan idea yang kritis yang mungkin berlaku sebelum dan sesudah situasi seperti yang digambarkan.

Teknik K^2WS^2 dapat membantu pelajar membuat generalisasi, menyusun idea, menilai secara kritis situasi yang diberikan dengan meramalkan kemungkinan yang berlaku sebelum dan sesudah situasi yang digambarkan. Bantuan yang diberikan oleh guru dengan memperkenalkan teknik ini yang berupa memberi petunjuk, peringatan dan dorongan, serta menghuraikan situasi yang digambarkan ke dalam bentuk lain. Ini membolehkan pelajar supaya lebih berdikari. Bukan itu sahaja, pelajar dapat mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik. Apabila pelajar dapat menggunakan teknik ini, secara tidak langsung dapat menyumbang kepada kelancaran, kefasihan, keyakinan dan kecekapan pelajar bertutur.

Kajian Lepas

Vygotsky memberikan penekanan pada pemerencahan atau *scaffolding* dalam pembelajaran. Pemerencahan adalah teori yang menekankan akan perlunya memberikan bantuan kepada pelajar dalam proses pembelajaran secara bertahap-tahap. Pelajar akan mengambil alih tanggungjawab yang semakin besar hanya setelah mereka mampu mengerjakannya sendiri. Bantuan yang diberikan

oleh guru berupa petunjuk, peringatan, dorongan dan menghuraikan masalah ke dalam bentuk lain yang membolehkan pelajar berdikari.

Bagi Vygotsky bahasa berkembang dari interaksi sosial dengan orang lain. Awalnya, satu-satunya fungsi bahasa adalah komunikasi. Bahasa dan pemikiran berkembang sendiri, tetapi selanjutnya pelajar mendalami bahasa dan belajar menggunakannya sebagai alat untuk membantu menghuraikan masalah. Ketika pelajar menampilkan teks lisan misalnya, guru dapat membantu kelancaran mereka berbual dengan mengingatkan mereka kepada kata-kata atau pengucapan kata yang relevan.

Berlandaskan teori ini, pemeranahan juga boleh dilaksanakan dengan memperkenalkan teknik yang tertentu dalam pengajaran lisan. Dengan adanya pemeranahan ini, pelajar akan dapat menjana idea dengan lebih jelas, terperinci dan menarik khususnya bagi komponen atau aktiviti perbualan berdasarkan gambar.

Kaedah Kajian

Subjek Kajian

Sampel pelajar terdiri daripada 35 orang pelajar Menengah 3 Normal Akademik. Pada awal tahun 2011, pelajar ini telah didedahkan kepada komponen lisan yang baharu, iaitu perbualan berdasarkan gambar. Pelajar diminta meneliti gambar yang diberikan oleh guru untuk menjana idea. Dengan menggunakan *interface 'Oral Companion'* melalui laman *AskNLearn*, pelajar telah merakamkan perbualan mereka itu secara individu. Setelah pelajar merakamkan perbualan mereka itu, guru menjalankan penilaian. Guru mendapati bahawa penerangan pelajar mengenai gambar yang diberikan agak terhad dan kurang jelas. Ada di antara pelajar yang tidak dapat mengembangkan idea dan penyampaian idea kurang koheren.

Prosedur Kajian

Pelaksanaan Strategi ini dijalankan dalam jangka masa dua waktu. Untuk sesi pertama pengajaran, sebagai set induksi, guru menayangkan sekeping gambar dan meminta pelajar mencatat sekurang-kurangnya tiga perkataan

berkaitan dengan gambar tersebut di kertas *post-it* yang disediakan. Pelajar diminta melekatkannya di papan tulis. Guru kemudian menerangkan tiga daripada lima komponen yang pelajar perlu tahu mengenai teknik ini, iaitu komponen K²W. (Keseluruhan, Kedudukan dan Watak Khas). Sila lihat *Lampiran 1* untuk penerangan lanjut mengenai huraian teknik ini.

Pelajar kemudian diarahkan untuk menggolongkan perkataan yang ditulis tadi dalam komponen yang telah diterangkan. Guru akan menerangkan kesesuaian perkataan itu. Pelajar diminta memulakan perbualan secara sistematik dengan mengikut teknik yang diajar, iaitu menyatakan gambaran keseluruhan mengenai gambar yang diberikan dan menjelaskan tema yang berkaitan dengan gambar tersebut. Seterusnya bagi *Kedudukan* pula, pelajar dikehendaki memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai situasi dalam gambar tersebut seperti tempat, keadaan sekeliling dan apakah yang dilakukan oleh orang ramai/watak dalam gambar tersebut. Langkah seterusnya, pelajar akan memilih watak khas yang menonjol dalam gambar tersebut.

Lanjutan pengajaran pula diteruskan dengan komponen '*Sebelum dan Sesudah*'. Pelajar diminta memikirkan dan memberitahu perkara yang mungkin berlaku sebelum situasi yang digambarkan berkaitan dengan tema yang telah difikirkan. Bagi komponen '*Sesudah*' pula, pelajar memikirkan perkara yang mungkin berlaku sesudah situasi yang digambarkan dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada pelajar dan membuat andaian seterusnya.

Pelajar mendengar dan mencatat penerangan guru pada nota yang disediakan. Guru menayangkan gambar kedua dan meminta pelajar mengulang kembali kesemua langkah yang diterangkan mengikut urutan. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan. Guru akan meminta beberapa kumpulan untuk menyampaikan dapatan mereka dengan menggunakan teknik yang telah dipelajari. Pelajar juga diminta mencatat hasil dapatan rakan.

Bagi bahagian selanjutnya, guru akan memuat naik sebuah gambar dan meminta pelajar merakam perbualan mereka secara individu dengan menggunakan paparan antara muka '*Oral Companion*' melalui laman *AskandLearn*. Guru dapat menilai jawapan pelajar dan mengetahui keberkesanan teknik yang telah dipelajari dengan menggunakan paparan antara muka ini.

Dapatan Kajian

Pengajaran yang menekankan kepada proses pemerencahan dalam pembelajaran membantu pembelajaran pelajar. Berdasarkan keputusan pelajar melalui dua ujian lisan yang dijalankan menggunakan platform '*Oral Companion*', telah menunjukkan peningkatan dalam keputusan yang diperoleh pelajar. Pada ujian pertama sebelum teknik K^2WS^2 diperkenalkan, khususnya komponen lisan bergambar, kelompok terbesar 70.5% pelajar mendapat gred dalam lingkungan Band 2 hingga 3, 26.5% Band 1 dan 3% Band 4. Selepas teknik lisan diperkenalkan, 41% berjaya mendapat Band 1 dan 59% pelajar berada dalam lingkungan Band 2 hingga 3.

Teknik ini terbukti berkesan membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik. Secara tidak langsung, ia dapat menyumbang kepada kelancaran, kefasihan, keyakinan dan kecekapan pelajar bertutur.

Cabaran

Cabaran utama merupakan menjalankan pengajaran di makmal komputer yang mana kadang kala timbul masalah teknikal yang menyekat kelancaran pengajaran. Dengan kehadiran penolong teknikal, diharapkan dapat membantu jika timbulnya isu teknikal. Selain itu, cabaran kedua, pengetahuan sedia ada pelajar juga mungkin memainkan peranan untuk pelajar berupaya mengaitkan pengetahuan sedia ada mereka dengan situasi yang diberikan. Pelajar yang tidak didedahkan kepada hal ehwal dalam dan luar negeri mungkin mengalami kesukaran untuk mengaitkan situasi sebelum dan sesudah seperti yang digambarkan. Dari itu, guru harus menggalakan pelajar agar banyak membaca dan mendedahkan pelajar kepada bahan bacaan yang luas.

Kesimpulan

Dengan menyediakan pelbagai kaedah yang berbeza semasa pengajaran lisan, guru dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan juga melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran.

Rujukan

- Yuh, H.T., Ow, E.G, & Seng, C.T. (2006). *Audioblogging : Supporting the Learning of Oral Communication Skills in Chinese Language*. AECT Research Symposium, Indiana University, Bloomington, Indiana.
- Stuyf, V.D. (2002). Scaffolding as a Teaching Strategy. *Adolescent Learning and Development* . Section 0500A.
- Nur, A.F.(2011). Teori Pendidikan : Teori Perkembangan Sosial Kognitif Lev Vygotsky. Kompasiana. Retrieved from <http://edukasi.kompasiana.com/2011/03/03/teori-pendidikan-teori-perkembangan-sosial-kognitif-lev-vygotsky>.
- Lev Vygotsky Archive. Retrieved from <http://www.marxists.org/archive/vygotsky/>.

Teknik K²WS²

<ul style="list-style-type: none"> • K- Keseluruhan 	<ul style="list-style-type: none"> • Gambaran keseluruhan mengenai gambar yang diberikan. Menjelaskan tema yang berkaitan dengan gambar. • <u>Contoh</u> • Gambar ini menunjukkan sebuah stesen MRT. • Terdapat ramai penumpang yang sedang menunggu ketibaan kereta api gerak cepat.
<ul style="list-style-type: none"> • K- Kedudukan 	<ul style="list-style-type: none"> • Berikan gambaran yang lebih terperinci mengenai situasi dalam gambar tersebut. Kedudukan / Situasi yang terdapat dalam gambar tersebut seperti tempat, keadaan sekeliling dan orang ramai • <u>Contoh</u> • Mereka sedang berada di stesen bawah tanah City Hall. • Ada antara penumpang yang berada di stesen itu sedang beratur dan ada pula yang sedang berlegar- legar.
<ul style="list-style-type: none"> • W- Watak Khas 	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih seorang watak khas yang menarik perhatian. Terangkan mengapa watak tersebut telah berjaya menarik perhatian • <u>Contoh</u> • Dua anggota polis di gambar ini menarik perhatian saya. Mereka kelihatan fokus memerhatikan keadaan para penumpang. • Mereka mengawasi segala pergerakan penumpang dan keadaan persekitaran stesen itu.
<ul style="list-style-type: none"> • S- Sebelum 	<ul style="list-style-type: none"> • Fikirkan apakah yang mungkin berlaku sebelum situasi yang digambarkan. Terangkan kaitan situasi sebelum itu dengan gambar yang diberikan.

	<ul style="list-style-type: none">• <u>Contoh</u>• Kawalan lebih ketat di stesen MRT ini dilakukan mungkin kerana pernah terjadinya ancaman pengganas.
<ul style="list-style-type: none">• S- Sesudah	<ul style="list-style-type: none">• Fikirkan apakah yang mungkin berlaku sesudah situasi yang digambarkan. Terangkan kaitan situasi sesudah itu dengan gambar yang diberikan• <u>Contoh</u>• Dengan kehadiran polis keselamatan di stesen-stesen MRT akan membuat penumpang-penumpang berasa selamat berada di situ.